# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 3 MAC 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | INACTIVE JOHOR FISHERMEN URGED TO SURRENDER LICENCES, METRO, THE STAR -4 | LAIN-LAIN |
| 2. | PIGS FROM PERAK ARE NOT SLAUGHTERED IN SELANGOR AS SAMPLING REPORT IS NOT READY YET, CENTRAL, CHINA PRESS -C2 | |
| 3. | PEKEBUN SAYUR DI KAHANG KERUGIAN RM30k AKIBAT BAH, LOKAL, HM -21 | |
| 4. | REFORMASI EKONOMI DESA CETUS KEADILAN SOSIAL LUAR BANDAR, MUKA SEPULUH, BH -10 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Inactive Johor fishermen urged to surrender licences | | |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 03 Mar 2023 | Color | Black/white |
| Section | Metro | Circulation | 175,986 |
| Page No | 4 | Readership | 527,958 |
| Language | English | ArticleSize | 185 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,423 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,269 |



# Inactive Johor fishermen urged to surrender licences

FISHERMEN who have been issued licences but are not actively involved in fishing should surrender them to the Johor Fisheries Department immediately.

State agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said this would enable the government to determine the actual number of active fishermen so that initiatives could be channelled to them.

"Individuals who have left the fishing industry can return their licences to the department or if they have handed their licences to other parties, then those parties should bring them to the department.

"This will make it easier for the state to issue incentives to active fishermen and also give others an opportunity to apply for fishing licences," he said after handing out boat licences in the Johor Baru district at Kampung Pasir Gudang Baru in Pasir Gudang.

Johor recorded 12,160 active fishermen last year. Of that figure, 11,267 were deep-sea fishermen while the rest were coastal fishermen.

"There are about 100 more licences we can give out under our quota for fishermen, so we can still process applicants wanting to be fishermen," said Zahari.

He said the licence not only gave the holders permission to venture to fishing waters but also entitled them to the fisherman's monthly allowance of RM300 and diesel subsidy.

He gave an assurance that there was sufficient supply of fish in Malaysia even after floods in eight districts – Pontian, Kota Tinggi, Kluang, Segamat, Mersing, Batu Pahat, Muar and Tangkak – affecting more than 20,000 residents.

He said reserving frozen fish was one of several measures that had been taken to ensure there was no shortage of supply.

"At the end of last year, I visited a fish collection centre involved in catching fish for storage during the monsoon season.

"Based on the information received from the entrepreneur (owner of the collection centre), the supply of fish, especially in this state, is sufficient but prices may fluctuate," he added. – Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pigs from Perak are not slaughtered in Selangor as sampling report is not ready yet | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 03 Mar 2023 | Color | Black/white |
| Section | Central | Circulation | 127,822 |
| Page No | C2 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 533 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,058 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 21,174 |


[redacted]

今日大城事

## 抽樣檢測報告處理程序慢

# 霹生豬未運雪宰殺

報導◆郭貞黎

（吉隆坡2日讯）因抽样检测报告处理程序缓慢，以致许多霹雳州养猪场来不及申请生猪越州准证，除了雪州宰猪场业者本身在霹雳的养猪场之外，迄今还没有来自其他养猪场的生猪被运到雪州宰杀。

雪隆屠业行会员苏耀胜接受《中国报》电访时说，因抽样化验程序慢，以致霹雳州一些养猪场，今日才拿到化验报告及申请生猪越州准证。

他说，原订今日（星期四）、星期五和星期六，雪州宰猪场是宰猪来自霹雳州的生猪，星期一、二和三则宰杀来自雪州养猪场的生猪。

他指出，霹雳州一些养猪场仍未获得生猪越州准证，以致截至今午，除了雪州宰猪场业者在霹雳州的养猪场载来的生猪之外，没有其他养猪场的生猪被运来雪州宰杀。

### 擔心影響豬肉供應

他说，如果霹雳州养猪场今日无法申请生猪越州准证，明天也可能没生猪运到雪州，他们担心影响雪隆猪肉供应。

“雪州宰猪场业者在霹雳州有大型养猪场，其生猪之前已可越州宰杀，今日也只有该企业的生猪。”

苏耀胜说，符合条件的养猪场要进行30个样本检测，虽然一些养猪场上星期五后陆续通过霹雳州兽医局进行检测，但因程序缓慢，以致上星期五已完成检测的养猪场，今日才取得报告。

“取得报告也得申请生猪越州准证，要在今日越州宰杀的可能性非常小。”

他指出，他们担心如果申请越州准证处理太慢，又要多花数天才能拿到准证，霹雳州的生猪未必可赶得及星期五或六越州宰杀，搞不好可能要到下星期四。

“如果生猪越州准证拖得越多天，霹雳州生猪无法越州宰杀，只靠雪州养猪场，无法足够应付雪隆区每天大量的猪肉需求量。”

## 黃吉良：1週宰殺生豬3天

# 豬肉販被迫休業

雪隆屠业行副主席兼猪肉贩黄吉良说，随著上星期开始，雪州宰猪场一星期只宰杀雪生猪3天，加上霹雳州生猪无法越州宰杀，造成猪肉贩无猪肉可卖，被迫每星期休业至少3天。

黄吉良接受《中国报》电访时说，雪州宰猪场上星期已限制雪州的生猪，只在星期一至星期三宰杀，星期四至星期六则宰杀霹雳州生猪。

他说，上星期，霹雳州的生猪无法越州，截至周四，霹雳养猪场还没申请到生猪越州准证，以致雪州宰猪场只宰杀其养猪场的生猪。

他指出，雪州的养猪场规模较小，每日可宰杀的生猪数量不多，猪肉贩无法买到足够的猪肉，推出市场的生猪猪龄也小，重量不够，猪肉价格也一再涨价。

他说，雪州宰猪场于星期日休业，雪隆区的猪肉贩通常在星期一休业，即使星期一至三宰杀雪州生猪，也无法让猪肉贩可在星期二至四连续3天营业，一些没有猪肉可卖的猪肉贩被迫休业。

“霹雳州生猪无法越州，造成这星期的猪肉缺乏情况更严重。”

他说，由于上星期只有3天宰杀雪州的生猪，如他们需要购买10头猪，最多只获得5头，这星期供应更少，只剩2头猪。

他说，如果兽医局在批准生猪越州宰杀程序继续拖延，不只造成猪肉贩无猪肉可卖，也让雪隆区许多饮食业受影响。



■没生猪运到雪州，业者担心影响雪隆猪肉供应。（档案照）

## 僅供旗下連鎖店導致壟斷

黄吉良说，尽管雪州宰猪场业者，在霹雳养猪场的生猪可在星期四至星期六越州宰杀，但该企业宰杀的猪肉只供旗下连锁猪肉店售卖，没有供应给一般猪肉贩。

他说，该企业在星期四至六，每天有200至300头生猪载来雪州宰杀，却出现垄断市场的情况，只供其旗下连锁猪肉店售卖。

他指出，雪州的生猪数量无法应付雪隆区需求量，如今雪隆一带也没足够猪肉，猪肉贩无法天天营业，部分只能售卖冷冻猪肉。

他说，市场猪肉短缺，以致猪肉上星期曾涨价2令吉，这星期又涨了2令吉。

“即使一些猪肉贩有售卖冷冻猪肉，但不是每个饮食业都可使用冷冻猪肉，好比肉骨茶店通常使用现宰猪肉，没使用冷冻猪肉。”

他说，他们如今也接获一些顾客申诉，投诉买不到猪肉，而且猪肉价格一直涨价。

他也促请农业和食品安全部尽速寻找解决方案，加速让霹雳州的生猪可越州来雪州宰杀，以解决猪肉供应不足的情况。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/3/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 21 |

# Pekebun sayur di Kahang kerugian RM30k akibat bah

**Kluang:** Seorang pekebun sayur di Kahang berputih mata apabila kerugian kira-kira RM30,000 selepas tanaman dan ternakan 2,000 ikan talapia mati akibat banjir.

Norizal Juhurak, 42, berkata ini adalah kali kedua kebun seluas 1.6 hektar mengalami musibah selepas musnah diserang gajah kira-kira dua minggu yang lalu.

Norizal berkata, kebun yang diusahakan sejak dua tahun lalu menggunakan pinjaman daripada saudara mara sebanyak RM10,000 selepas dia diberhentikan kerja kilang semasa pandemik Covid-19.

"Tanaman sayuran seperti 1,500 pokok terung, limau kasturi dan sawi yang sepatutnya dituai hasil busuk ditenggelami air sedalam dua meter.

"Hasil jualan tanaman kebun ini boleh menjana pendapatan sebanyak RM5,000 manakala jika 2,000 ikan talapia berusia lapan bulan dituai, ia boleh menjana hasil sebanyak RM15,000

"Saya terpaksa berputih mata melihat ikan diternak dalam dua kolam ini terlepas. Kalau nak dipulihkan semula, saya memerlukan modal yang sama bagi membersihkan termasuk meracun semula kawasan kebun ini kerana bawaan banjir terdapat kuman dan bakteria tanaman," katanya.

Katanya, dia terpaksa memohon bantuan pihak berkaitan supaya dia dapat meneruskan hidup mencari nafkah bagi menyara keluarganya.

Katanya, dia memerlukan modal untuk menampung kos membaiki sistem perpaipan, membajak tanah dan membeli benih sayuran yang baru.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 3/3/2023 | BERITA HARIAN | MUKA SEPULUH | 10 |

# Reformasi ekonomi desa cetus keadilan sosial luar bandar

- Kewujudan ekosistem perniagaan dan pelaburan kondusif di desa membolehkan pelaburan projek berimpak tinggi dan meningkatkan peluang baharu kepada PMKS tempatan
- Memperkasa ekonomi desa adalah satu tindakan strategik dari segi dasar ekonomi kerana ia sinonim dengan sektor pertanian, membabitkan isu sekuriti makanan



Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia

**Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin**
bhnews@bh.com.my

**Sekali** lagi, Belanjawan 2023 adalah belanjawan mengembang dengan peruntukan sebanyak RM388.1 bilion. Apa yang lebih menarik lagi adalah perbelanjaan pembangunan dirancang dengan dana RM97 bilion, peningkatan ketara dari tahun sebelumnya, manakala defisit kewangan pula dijangkakan dikawal pada kadar 5.0 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Jika belanjawan ini ingin memperlihatkan satu bentuk terjemahan kebijaksanaan baharu, usaha untuk reformasi pembangunan desa adalah satu elemen sangat kritikal serta sesuai dengan kerangka MADANI diperkenalkan.

Atas sebab itu jugalah dalam konteks ini, pentingnya belanjawan berbentuk mengembang, terutama dalam peruntukan tinggi dalam aspek perbelanjaan pembangunan.

Hakikatnya, penumpuan kepada perbelanjaan pembangunan ini akan memberikan nilai pengganda tinggi kepada ekonomi yang sebenarnya adalah bentuk pelaburan produktif kepada rakyat, terutama penduduk desa.

Pemerkasaan ekonomi desa ini sangat relevan sebenarnya jika dilihat dalam landskap ekonomi global dan ekonomi domestik pascapandemik.

Trend ekonomi global pascapandemik lebih menjurus kepada fenomena globalisasi serta penumpuan kepada nasionalisme ekonomi dan juga *inward-looking* dari segi orientasi.

Maka, untuk mendepani cabaran ekonomi penuh dengan ketidakpastian dan kompleks ini, sememangnya kita perlu memperkasakan ekonomi domestik dan meningkatkan lagi daya kekuatan ekonomi yang sudah wujud serta mempunyai potensi baik pada masa hadapan, seperti memperkasa ekonomi desa itu sendiri.

Dari sudut cabaran ekonomi domestik, isu kos sara hidup yang tinggi, inflasi, kemiskinan tegar, sekuriti makanan, bencana alam, pembangunan hijau dan mampan, mempunyai kaitan dengan aspek pembangunan desa jika dilihat dari sudut penyelesaian jangka sederhana dan panjang.

Begitu juga dengan isu lebih spesifik kepada kawasan desa, berkait dengan penoreh getah, nelayan, pesawah atau masalah sekolah dan klinik masih dalam keadaan daif.

Dalam konteks mereformasi ekonomi desa ini, isu pokok perlu difikirkan adalah bagaimanakah pembangunan desa ini dapat mengurangkan kesenjangan pembangunan sosioekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar.

Apakah jalan terbaik untuk memastikan pekebun kecil getah, pesawah misalnya, mendapat pembelaan sewajarnya dalam arus pembangunan negara yang mana sepanjang empat dekad lalu lebih tertumpu kepada agenda industrialisasi sehinggakan sektor pertanian diabaikan.

Apakah akan ada satu bentuk perubahan trend dari segi migrasi berbanding sebelumnya luar bandar ke bandar, menjadi bandar ke luar bandar.

Adakah mungkin pembangunan desa menjadi pencetus kepada pembangunan model ekonomi kitaran yang mempunyai nilai koridor penggunaan lestari atau *sustainable consumption corridors* untuk memastikan pembangunan desa mampan, sekali gus mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di bawah Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan (Agenda 2030).

Dalam Belanjawan 2023, sebanyak RM11 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), peningkatan RM500 juta daripada peruntukan dalam Belanjawan 2022.

Jika keadilan sosial menjadi antara satu daripada tunjang utama dalam Belanjawan 2023 ini, mereformasi ekonomi desa adalah satu tumpuan dan keutamaan tepat.

> "Tiada yang mustahil aktiviti penjanaan sumber tenaga baharu untuk mencapai agenda kemampanan dimulakan di kawasan desa"

## Tindakan strategik yang tepat

Memperkasa ekonomi desa juga adalah satu tindakan strategik dari segi dasar ekonomi kerana ia sinonim dengan sektor pertanian, membabitkan isu sekuriti makanan.

Ia juga berkait rapat dengan isu kemiskinan, ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan dan pembangunan, bencana alam, kemampanan, begitu juga dengan sektor serta projek pembangunan tidak berbentuk mega.

Dari aspek peningkatan produktiviti negara, galakan dalam aktiviti inovasi, serta lonjakan dalam daya saing serta kreativiti ekonomi melalui pembangunan desa adalah sangat signifikan.

Selain itu, tiada yang mustahil aktiviti penjanaan sumber tenaga baharu untuk mencapai agenda kemampanan dimulakan di kawasan desa.

Bagi meningkatkan produktiviti masyarakat setempat, ia boleh dilakukan dengan membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan, menarik minat pekerja mahir mempunyai kepakaran untuk menetap di luar bandar dengan kualiti hidup lebih baik dan selesa jika dibandingkan dengan kawasan bandar bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di desa, terutama untuk merealisasikan agenda pertanian moden dan pertanian pintar.

Dengan adanya ekosistem perniagaan dan pelaburan kondusif di desa, ini membolehkan pelaburan projek berimpak tinggi serta mampan dilakukan, sekali gus meningkatkan peluang baharu kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan dan penjaja kecil di desa.

Begitu juga peluang pekerjaan dengan gaji lebih bermaruah kepada penduduk tempatan, yang mana dapat menyelesaikan isu kos sara hidup tinggi, pengangguran dan guna tenaga tidak sepenuhnya, terutama generasi muda, serta mengurangkan kebergantungan ekonomi kepada buruh asing.

Penyediaan geran sepadan sebanyak RM50 juta untuk menggalakkan automasi sektor perladangan melalui penggunaan robotik dan kecerdasan buatan (AI) dalam Belanjawan 2023 ini amat baik dalam konteks membina ekosistem perniagaan dan pelaburan kondusif. Ini diharap akan dapat mengukuhkan lagi industri hiliran dalam sektor perladangan di kawasan desa.

Begitu juga reformasi sektor agromakanan terkandung dalam Belanjawan 2023, dilihat kritikal dalam usaha untuk meningkatkan tahap kemandirian pengeluaran makanan tempatan.

Tumpuan strategi dalam belanjawan ini adalah melalui automasi dan pendigitalan. Pelbagai dana, insentif, latihan dan bimbingan disediakan.

Selain itu, usaha meningkatkan penggunaan tanah bagi tanaman makanan berbanding tanaman sawit dan getah juga diperkenalkan.

Semua ini dijangka dapat menarik minat pelaburan swasta berskala besar melabur di kawasan desa dan akhirnya dapat memberikan impak positif kepada pembangunan ekonomi desa secara tuntas dan holistik.

Akhirnya, fokus lebih terarah kepada pembangunan ekonomi desa dalam Belanjawan 2023 ini dilihat sebagai strategi baharu menangani isu ekonomi rakyat dan negara berbentuk *bottom-up*.

Ia adalah satu pendekatan lebih mesra rakyat dan alam sekitar untuk mengukuhkan daya tahan serta daya saing ekonomi negara sebagai batu asas penting ke arah pembentukan model ekonomi lebih madani pada masa hadapan.

**Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH**